

27/03/2004

Imej dibawa PM pikat rakyat

KUALA LUMPUR: Seorang lagi pemimpin Pas, Datuk Kamarudin Jaffar, mengaku imej Islam yang diperlihatkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi kesan besar dalam pemikiran masyarakat hingga menyebabkan pembangkang terutama Pas kalah teruk pada pilihan raya lalu.

Beliau berkata, keupayaan Perdana Menteri memperlihatkan imej Islam dalam pentadbiran dan usahanya mewujudkan masyarakat yang bebas daripada rasuah selepas mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, berjaya menarik perhatian awam.

Kamarudin yang juga Ahli Jawatankuasa Pas Pusat dan Ahli Parlimen Tumpat, berkata demikian pada forum Pilihan Raya 2004: Apa Seterusnya? di Menara Star di sini, semalam.

Sebelum ini, Ketua Penerangan Pas Pusat, Datuk Dr Haron Din, juga mengaku gelombang besar yang dibawa Barisan Nasional (BN) melalui imej bersih Abdullah menyebabkan parti itu kalah teruk dalam pilihan raya umum kali ini.

Dr Haron yang kalah di Parlimen Arau dan DUN Tambun Tulang, Perlis berkata gelombang Pas kali ini tidak mampu menahan gelombang besar yang dibawa Perdana Menteri, terutama berkaitan agama serta usahanya membasmi rasuah di kalangan pemimpin kerajaan dan swasta.

Pada forum itu, Kamarudin berkata, kerapuhan pakatan pembangkang dengan penarikan diri DAP pada September 2001, turut menyumbang kekalahan itu.

Selain itu, katanya, serangan di Amerika Syarikat pada 11 September 2001 menimbulkan ketakutan orang ramai terhadap Pas yang dilihat sebagai parti yang mendokong kumpulan pelampau dan ekstrem.

Beliau berkata usaha Pas untuk melaksanakan hukum hudud dan memperkenalkan konsep negara Islam turut dilihat sebagai faktor yang dikaitkan dengan kumpulan ekstrem.

Seorang lagi ahli panel, Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (Just), Dr Chandra Muzaffar, berkata sudah tiba masanya Pas dan parti pembangkang lain memikirkan semula peranan dan pendekatannya dalam politik negara.

"Soalnya bukan melihat kekuatan pakatan berdasarkan gabungan antara Pas dan Keadilan atau DAP dengan Keadilan, tetapi bagaimana Pas mengenal pasti kesilapan mereka berhubung pendekatan dalam politik Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kesediaan Pas berubah daripada pendekatannya dalam politik Malaysia akan dapat mewujudkan pakatan pembangkang yang lebih serasi.

Forum itu juga disertai Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin dan Felo Pengajian Media bagi Pusat Asia, Ong Kian Ming.